

NO. SOALAN: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan**

- a) jumlah ibu tunggal yang terdapat di Malaysia dan berikan jumlah pecahan mengikut kaum masing-masing.
- b) jenis bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan untuk membantu ibu tunggal di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan bancian Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, jumlah ibu tunggal yang terdapat di Malaysia adalah seramai 235,240 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 137,416 orang terdiri daripada kaum Melayu, 20,176 orang Bumiputera lain, 48,458 orang kaum Cina, 19,717 orang kaum India, 1,103 orang terdiri daripada kaum-kaum lain manakala 8,370 orang terdiri daripada bukan warganegara Malaysia.

Kementerian ini menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan kewangan untuk meringankan beban ibu tunggal di Malaysia seperti berikut:

a) **Skim Bantuan Kanak-kanak**

Skim ini bertujuan memastikan kebajikan dan pendidikan anak-anak ibu tunggal terpelihara.

b) **Bantuan Am**

Bantuan kewangan ini adalah untuk keluarga ibu tunggal miskin di seluruh negara.

c) **Bantuan Geran Pelancaran**

Bantuan ini diberikan secara *one-off* kepada penerima bantuan JKM dari kalangan ibu tunggal bagi memulakan projek atau aktiviti ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sehingga September 2014, bantuan kewangan bagi 3 skim sebanyak RM106.38 juta telah disalurkan kepada 59,844 ibu tunggal.